

Unit 1

Tulis **sebuah** karangan tentang **satu** daripada perkara di bawah. Panjang karangan anda hendaklah lebih daripada 180 patah perkataan.

1. Sebagai setiausaha sebuah persatuan di sekolah, anda dikehendaki menyediakan laporan tentang aktiviti tahunan persatuan. Laporan berkenaan akan dimuatkan dalam majalah sekolah anda.

Sediakan laporan itu selengkapnya.

Pendahuluan:

menulis tajuk laporan – aktiviti tahunan Persatuan Bimbingan dan Kaunseling

Idea relevan:

- (a) menyatakan senarai nama ahli jawatankuasa dan penasihat persatuan – maklumat persatuan – tarikh ditubuhkan, bilangan ahli, objektif penubuhan, dan sebagainya
- (b) aktiviti yang dijalankan seperti ceramah, kuiz, lawatan sambil belajar, seminar kemahiran belajar, dan sebagainya
- (c) kejayaan yang dicapai oleh persatuan dalam setiap aktiviti atau pertandingan yang dijalankan
- (d) sambutan pelajar terhadap aktiviti dan tahap kerjasama daripada ahli dan jawatankuasa

Penutup:

harapan terhadap persatuan pada masa akan datang – tandatangan, nama penuh, dan jawatan

2. Kerajaan menggalakkan orang ramai memakan buah-buahan tempatan.

Bincangkan kebaikan memakan buah-buahan tempatan.

Pendahuluan:

buah-buahan tempatan ialah buah-buahan yang ditanam di negara sendiri – kerajaan menggalakkan orang ramai memakan buah-buahan tempatan

Idea relevan:

- (a) mengandungi banyak khasiat dan rasanya sedap
- (b) mudah ditanam dan dijaga – sesuai dengan keadaan iklim negara ini

- (c) mudah diperoleh di mana-mana dan sepanjang masa
- (d) kebanyakannya lebih murah daripada buah-buahan yang diimport
- (e) penggunaannya dapat dipelbagaikan – dapat diproses menjadi jus, jem, puri, kordial, manisan, dan sebagainya

Penutup:

buah-buahan tempatan semakin mendapat sambutan – kini banyak orang menanam buah-buahan tempatan

3. Sebagai rakyat Malaysia yang cinta akan negara, kita sewajarnya mempunyai semangat patriotik yang tinggi.

Jelaskan kepentingan semangat patriotik dalam kalangan rakyat.

Pendahuluan:

semangat patriotik ialah perasaan cinta akan negara – dapat ditunjukkan melalui pelbagai cara

Idea relevan:

- (a) semangat patriotik yang menebal dalam kalangan rakyat memungkinkan dasar kerajaan mendapat sambutan dan usaha-usaha memajukan negara berjalan dengan lancar
- (b) rakyat sanggup berkorban dan berani mempertahankan kedaulatan negara
- (c) rakyat akan berusaha dengan gigih untuk menyahut seruan memajukan negara
- (d) perasaan prasangka dan perbezaan pendapat antara kaum dapat diatasi – saling menghormati dan bertolak ansur antara satu sama lain
- (e) rakyat tidak akan menggugat kemakmuran negara

Penutup:

semangat patriotik yang tinggi memungkinkan negara mencapai kecemerlangan yang lebih baik pada masa hadapan

4. Kegiatan jenayah dalam kalangan remaja semakin berleluasa kini. Selaku ketua polis daerah, anda diminta menyampaikan ceramah tentang perkara tersebut di sebuah sekolah di daerah anda.

Tulis ceramah tersebut selengkapnya.

Pendahuluan:

kata alu-aluan kepada hadirin – maksud jenayah – kesalahan yang bertentangan dengan undang-undang yang melibatkan kerosakan fizikal dan menjatuhkan moral – jenayah dalam kalangan remaja bermaksud perbuatan jenayah yang dilakukan oleh seseorang yang berusia antara 13 hingga 18 tahun

Idea relevan:

- (a) remaja yang berusia bawah 18 tahun dan melakukan jenayah tertakluk kepada undang-undang Mahkamah Juvana – Mahkamah Juvana akan melindungi mereka daripada dikenakan hukuman penjara – mereka yang bersalah akan diputuskan sama ada dihantar ke pusat pemulihan atau dibebaskan

- (b) jenis-jenis jenayah yang sering dilakukan oleh remaja seperti merosakkan harta benda awam, mencuri, peras ugut, pengedaran dadah, dan sebagainya
- (c) punca-punca – kurang pendidikan daripada ibu bapa, kemiskinan keluarga, tercicir atau tidak tamat persekolahan sejak peringkat awal, pengaruh rakan-rakan, kurang didikan agama, dan lain-lain
- (d) langkah-langkah mengatasi – pendidikan yang sempurna daripada ibu bapa, peranan Kementerian Pelajaran menerusi pengajaran Pendidikan Moral, Pendidikan Agama Islam, dan penerapan nilai-nilai murni dalam semua mata pelajaran – memperketat penguatkuasaan undang-undang – mengadakan program Rakan Muda, dan sebagainya

Penutup:

berharap agar hadirin dapat memberikan kerjasama bagi membendung perbuatan jenayah dalam kalangan remaja – remaja merupakan pemimpin negara pada masa hadapan

5. Media elektronik sangat penting dalam kehidupan manusia hari ini.

Berikan pendapat anda.

Pendahuluan:

penggunaan media elektronik amatlah penting dalam kehidupan manusia kini – selaras dengan usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju

Idea relevan:

- (a) menjadi sumber ilmu pengetahuan jika digunakan dengan sebaik-baiknya – contohnya penggunaan komputer dan Internet dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pendidikan, sains, bahasa, dan sebagainya
- (b) menjadi sumber hiburan yang paling mudah diperolehi – kos yang rendah – contohnya televisyen, radio, cakera padat, dan sebagainya
- (c) tanpa media elektronik, kita hanya bergantung pada media cetak – sumber maklumat media cetak agak lambat dan terhad
- (d) menjalinkan persahabatan dengan rakan-rakan yang jauh – misalnya penggunaan e-mel melalui komputer – dapat menambah bilangan sahabat, bertukar-tukar fikiran, dan sebagainya

Penutup:

media elektronik perlu digunakan dengan bijak – jangan mudah terpengaruh oleh nilai-nilai negatif yang melanggar etika budaya kita